

Y  
00197  
HAL



# KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU IV

DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KUALA LUMPUR  
7-10 Disember 1984

## Logo Kongres

*Empat ruangan dalam logo adalah simbol empat negara Nusantara (Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura), yang bertolak dari asas kebudayaan pribumi yang sama. Garis-garis yang tebal menandakan keunggulan kebudayaan tradisi tanpa menafikan hubungan erat empat negara Nusantara dengan negara-negara jirannya yang sebahagian warganegarannya mewarisi tradisi Nusantara. Garis tegak di tengah logo menegaskan tradisi ini, dengan pancangan ke dasar sebagai suatu penyelaman atau peninjauan ke masa lalu, sementara gerakan ke puncaknya menandakan usaha untuk bertindak di masa depan — semuanya demi kedaulatan bahasa dan persuratan Melayu. Logo ini dicipta oleh Sdr Saiful Anwar Yahya.*



Saya merasa gembira kerana dijemput untuk menyampaikan kata-kata aluan sempena Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-IV ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada badan-badan bahasa dan media massa yang telah berusaha mengadakan Kongres ini.


Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu memang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Bahasa Melayu telah melalui zaman kegemilangannya semasa lahirnya beberapa orang tokoh bahasa dan persuratan dan tokoh-tokoh ini telah banyak memberi sumbangan ke arah perkembangan

dan kemajuan Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan sekarang ini. Banyak daripada hasil-hasil karya mereka telah menjadi bahan rujukan dan kajian di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan di rantau ini.

Kongres ini, saya percaya, merupakan satu langkah yang wajar bagi menyuburkan semangat membina dan memajukan Bahasa Kebangsaan.

Masih banyak lagi yang perlu kita rancang dan usahakan bagi memenuhi hasrat dan tujuan Kongres-kongres yang lalu bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita.

Saya percaya Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-IV ini akan berjaya memenuhi hasrat dan matlamat yang dicita-citakan dan seterusnya mencapai kejayaan yang membanggakan kita semua.

  
(DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD)

*Pirih Barang Pekapur*



Saya mengucapkan 'Selamat Datang' kepada para peserta Kongres dari dalam dan luar negeri. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang telah bekerja keras untuk menjayakan Kongres yang sangat besar ertinya ini. Sejak Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang diadakan kira-kira 28 tahun yang lalu, bahasa dan persuratan Melayu telah dan sedang berkembang dalam bentuk dan arahnya yang tertentu. Bagaimanapun, oleh kerana bahasa dan persuratan Melayu akan terus berkembang, kita perlu sama-sama terlibat dan bertanggungjawab

memerhatikan perkembangannya, meneliti masalah-masalahnya, mencari kemungkinan mengatasi halangan-halangan perkembangannya serta mencari jalan memantapkannya lagi sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa kebudayaan moden.

Saya percaya, para perwakilan dan peserta yang menghadiri Kongres bersejarah pada kali ini, akan dapat bersifat terbuka, berterus-terang dan jujur dalam usaha memperkembangkan dan memajukan bahasa dan persuratan kebangsaan bukan sahaja untuk kurun ke 20, malah bagi kurun ke 21 dan seterusnya.

(DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI)

*Pinang Barang Sekacip*



Sebagai Pengerusi Panitia Penyelenggara Kongres, terlebih dahulu saya mengucapkan 'Selamat Datang' kepada para peserta sekalian, baik yang datang dari dalam atau pun luar negeri. Kongres IV ini diadakan setelah kira-kira 28 tahun Kongres III berlangsung dalam tahun 1956 yang itu, bahasa dan persuratan Melayu telah membentuk perkembangannya yang penting sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa dan persuratan kebangsaan. Bagaimanapun, pembinaan dan perkembangan bahasa dan persuratan

kebangsaan bukanlah semata-mata menjadi tanggung-jawab kerajaan sahaja. Menyedari hakikat inilah maka sebanyak 14 badan bahasa dan massa di Malaysia — kebanyakannya berupa gerakan rakyat — bersama-sama menaja Kongres IV ini. Kongres IV ini bolehlah dikatakan kena pada masanya. Perkembangan bahasa dan persuratan kebangsaan yang sedang pesat berlaku sekarang terus menerima cabaran yang perlu diselesaikan secara teratur dan intelektual. Cabaran-cabaran tersebut dibayangkan dalam 15 kertas kerja rasmi Kongres kali ini. Marilah kita bersama-sama berbincang dan mencari rumusan-rumusan yang boleh diterima dan dapat dilaksanakan.

Sekianlah.

(DATUK HAJI HASSAN AHMAD)  
Pengerusi.

*Pepatah Peribu Bahasa*



Assalamualaikum w.w.,

PERHIMPUNAN seumpama ini selalu menemukan teman-teman pemikir budaya, intelektual serta penulis dari dalam dan luar negeri. Saya mengucapkan 'Selamat Datang' dan 'Selamat Bertemu Kembali' untuk meneruskan perjuangan bahasa dan persuratan kebangsaan. Di antara kita hadir pemikir dan aktivitis yang dahulu telah berjuang dalam Kongres I, II dan III. Kepada mereka diucapkan tahniah, kerana generasi muda masa kini, yang tidak ikut serta dalam kongres-kongres sekitar tiga puluh tahun yang lalu.

adalah generasi yang paling bertuah dapat menikmati hasil perjuangan bahasa dalam persuratan sebelum dan selepas merdeka.

Apa juga bentuk serta suasana Kongres IV selama empat hari ini adalah pancaran persiapan kami selama beberapa bulan. Persiapannya sering kali dramatik, seolah-olah mempersiapkan sebuah novel.

Bagaimanapun mujurlah, sering hadir tangan-tangan yang secara sukarela ingin ikut membantu, juga jalur-jalur idea yang sering mengerling masuk ke sebuah "dunia" yang belum siap. Kepada mereka saya ucapkan jutaan terima kasih.

Yang kelak tinggal adalah rumusan-rumusan untuk diperjuangkan penerimaannya serta pelaksanaannya. Kongres, seperti manusia, akan datang dan pergi. Oleh itu, dalam saat-saat kita menempuh arus perjuangan masa kini, sewajarnya kita juga menghadiah Al-Fatihah untuk teman-teman seperjuangan kita yang telah kembali ke Rahmatullah.

Wassalam.

*Anwar Ridhwan*

(ANWAR RIDHWAN)

Setiausaha.

Masa: 12 dan 13 April 1952

Tempat: *Hotel Sea View, Singapura*

BUAT pertama kali sekumpulan cerdik pandai Melayu yang mewakili dua puluh satu badan bahasa dan persuratan Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu (ketika itu Malaya) bertemu. Pertemuan ini dihadiri oleh sejumlah kira-kira 200 orang wakil dan pemerhati badan tersebut dan ini merupakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang pertama.

Suatu Piagam Kongres Persuratan Melayu Se-Malaya telah dipersetujui bersama dan ditandatangani oleh ketua-ketua perwakilan badan-badan berkenaan pada 13 April 1952. Isi Piagam itu adalah seperti berikut:

### 1. Tujuan Kongres

- (a) Menyatukan sebarang usaha badan-badan persuratan Melayu di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Borneo Utara.
- (b) Mengambil keputusan muktamad yang sama atas sebarang hal mengenai kemajuan bahasa dan persuratan Melayu dan akan membela hak pengarang-pengarang, sasterawan-sasterawan dan ahli-ahli bahasa Melayu.

### 2. Cara-cara Kongres

- (a) Kongres boleh diadakan bila-bila masa jika perlu oleh sebuah pertubuhan atau beberapa pertubuhan persuratan menjadi satu.

- (b) Pertubuhan persuratan yang mengusulkan kongres itu dengan sendirinya menjadi Panitia Kongres yang akan menyediakan tempat dan persiapan-persiapan kongres serta memanggil pertubuhan-pertubuhan lain ke kongres itu.

### 3. Persetiaan

- (a) Pertubuhan-pertubuhan persuratan yang menjadi kerabat kongres hendaklah mentaati keputusan muktamad yang diambil oleh kongres.
- (b) Pertubuhan-pertubuhan kerabat kongres hendaklah berusaha melakukan keputusan-keputusan yang diambil oleh kongres untuk memajukan bahasa dan persuratan Melayu.
- (c) Sebarang keputusan kongres hendaklah dianggap sah oleh kerabat kongres.
- (d) Segala keputusan kongres akan diambil mengikut undi yang terbanyak.
- (e) Tiap-tiap pertubuhan hanya mempunyai satu undi sahaja.

Dalam kongres ini telah diambil keputusan bahawa:

“Kedua-dua tulisan Rumi dan Jawi digunakan dalam persuratan Melayu pada masa ini sehingga didapati suatu keputusan lain pada kongres yang kedua kelak.”



Masa: 1 dan 2 Januari 1954  
Tempat: Sekolah King George V Seremban

KONGRES ini merupakan lanjutan kongres pertama yang merupakan pertemuan para intelektual Melayu yang mewakili dua puluh empat badan bahasa dan persuratan Melayu di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Kongres ini dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Encik Shamsuddin Naim.


Beberapa keputusan telah diambil yang meliputi pelbagai bidang. Antaranya:

1. Menganjurkan rapat besar bagi ahli persuratan Melayu dengan Indonesia.
2. Mendesak penggunaan bahasa Melayu yang seimbang dalam Majlis Mesyuarat Undangan P.T.M, Majlis Mesyuarat Negeri, Majlis Mesyuarat Bandaran dan pengutamaan bahasa Melayu oleh ketua-ketua pejabat.
3. Menganjurkan satu rupa hadiah bagi karangan-karangan yang terbaik dalam bahagian-bahagiannya tiap-tiap tahun.

4. Menyusun sebuah kamus yang lengkap dalam tulisan rumi.
5. Pengambilan juruhebah radio mestilah berkelulusan tinggi dalam bahasa Melayu.
6. Melantik wakil daripada Kongres Persuratan Melayu dalam Jawatankuasa Penapis Filem.

Dua keputusan yang sangat bermakna adalah seperti berikut:

1. "... Setelah mengkaji penyata tulisan Jawi-Rumi yang dibentangkan oleh Jawatankuasa penyiasat tulisan Jawi-Rumi itu, mengambil keputusan bahawa sudah sepatutnya tulisan Rumi dirasmikan bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi sehingga masa akan menentukannya."
2. "Menuntut kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya membesarkan lagi Jabatan Penterjemahan menjadi sebuah Balai Bahasa yang lengkap.





Masa: 16 hingga 21 September 1956  
Tempat: Johor Baharu dan Singapura

KONGRES ini dihadiri oleh hampir 500 orang yang mana 220 orang daripadanya adalah wakil 59 buah badan bahasa dan persuratan Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu yang selebihnya adalah pemerhati biasa. Beberapa orang wakil rasmi dari Indonesia turut hadir, diketuai oleh Menteri Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan, Prof. Prijana.

Kongres ini dirasmikan oleh Ketua Menteri, Tunku Abd. Rahman Putra dan ditutup oleh Menteri Pelajaran, Dato' Abd. Razak Hussin.

Lebih tiga puluh kertas kerja telah dibincangkan dalam beberapa sidang. Keterangan mengenai sidang tersebut adalah seperti berikut:

#### *Sidang Bahagian A (i)*

Sidang bahagian ini membincangkan dan bersetuju menubuhkan "Lembaga Tetap Kongres". Perincian mengenai lembaga ini meliputi nama, keanggotaan, tugas dan kewajipan juga dibuat.

— *Pengerusi*: A. Rahman H.M. Said

#### *Sidang Bahagian A (ii)*

Membincangkan penubuhan Balai Pustaka yang kemudiannya ditukar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Perincian mengenai Dewan ini yang meliputi tujuan, taraf, pentadbiran, pengelola dan tugas juga diputuskan.

— *Pengerusi*: Mohd. Yusof Harun

#### *Sidang Bahagian B (i)*

Membincangkan beberapa buah kertas kerja mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam lapangan kesusasteraan. Bahagian Prosa ditulis oleh Keris Mas, Bahagian Puisi Lama oleh Hajah Zain dan Bahagian Puisi Baru ada dua kertas kerja, yang pertama oleh Usman Awang dan yang kedua oleh Masuri S.N.

Kertas kerja mengenai bahasa Melayu dalam pelbagai bidang nyanyian dan muzik juga telah dibincangkan. Dalam bahagian nyanyian oleh Zubir Said, dalam Ghazal oleh Haji Musa bin Yusuff dan dalam lapangan filem dan sandiwara oleh Roomai Noor.

— *Pengerusi*: Harun Mohd. Amin

#### *Sidang Bahagian B (ii)*

Membincangkan mengenai "Bahasa Melayu dalam Lapangan Seni Lukis".



Dua kertas kerja telah ditulis dalam bidang ini iaitu oleh A. Ghani Hamid dan Mohamed Salehuddin.

— *Pengerusi*: Jamil Sulung

#### *Sidang Bahagian C (i)*

Membincangkan mengenai Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia. Tiga kertas kerja iaitu "Laporan Tentang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia" oleh Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, "Bunyi Bahasa Melayu dalam Ucapan" dan "Ejaan Bahasa Melayu dengan Huruf Rumi" kedua-duanya oleh Asraf.

Rumusan penting dalam sidang ini ialah:

"Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang berbeda-beda sedikit tentang ejaan dan beberapa hal lainnya hendaklah disatukan, kerana asal dan dasar bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu satu dan sama saja".

— *Pengerusi*: Lokman Musa

#### *Sidang Bahagian C (ii)*

Membincangkan kertas kerja mengenai Lembaga Bersama Malaya-Indonesia, iaitu "Laporan Tentang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia" oleh persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, "Kamus Melayu yang Lengkap oleh Haji Shamsuddin Yunus dan "Bahasa Melayu dan Perkembangannya" oleh Ghazali Yunus.

Ketetapan penting dalam sidang ini ialah:

"Untuk menyatukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, satu Lembaga Bersama Melayu-Indonesia hendaklah diadakan untuk mempelajari dan menyelenggarakan hal-hal mengenai tatabahasa, istilah dan kamus, dan lembaga ini hendaklah bekerjasama dengan kerajaan."

— *Pengerusi*: Dr. Burhanuddin

#### *Sidang Bahagian D (i)*

Membincangkan beberapa buah kertas kerja berkenaan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang. Bidang Pertanian dan Penternakan oleh

Mohd. Jamli Hj. M.A. Wasi, Ilmu Pokok-pokok dan Kebun Bunga oleh Ahmad bin Hassan, Bahasa Pengantar dalam Pentadbiran oleh Mohd. Haniff, Bahasa Sehari-hari di kalangan Kaum Buruh Semua Bangsa oleh Abdullah Majid, "Bahasa Melayu dalam Lapangan Radio" oleh Dol Ramli, "Kata-kata Teknik dalam Lapangan Minyak" oleh Noordin A. Rahman, "Perkembangan Bahasa Melayu dalam Persuratkhabaran" oleh A. Samad Ismail dan "Bahasa Melayu dalam Lapangan Perusahaan". oleh Mohd. Khir Johari dan Ismail Md. Ali.

— *Pengerusi*: Abdul Samad Idris

#### *Sidang Bahagian D (ii)*

Membincangkan kertas kerja mengenai cara-cara mengembangkan bahasa kebangsaan menerusi persekolahan dan pendidikan. Kertas kerja tersebut ialah "Perkembangan Bahasa Melayu dalam Sekolah Rendah dan Menengah" oleh Aminuddin Baki, "Mengajarkan Bahasa Kebangsaan kepada Bangsa-bangsa Asing yang Sudah Dewasa" oleh Abdullah Ayob, "Bahasa Melayu sebagai bahasa Penedar dalam Sekolah-sekolah Orang Dewasa" oleh Abdullah Sultan, "Bahasa Melayu dalam Keagamaan" oleh Zulkifli Muhammad.

— *Pengerusi*: Embong Yahya

## Menjunjung Budi

Keempat-empat belas badan penaja Kongres, dengan penuh ikhlas dan takzim mengucapkan ribuan terima kasih kepada:

Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia  
Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia  
Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia  
Y.B. Encik Anwar Ibrahim  
Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia  
Menteri Pelajaran Negara Brunei Darussalam  
Yang Berbahagia Datuk Musa Muhammad  
Bapak Mochtar Lubis  
Sdr. Masuri Salikun  
Y.B. Datuk Harris Mohd. Salleh  
Y.A.B. Datuk Mohd. Isa Samad dan kerajaan Negeri Sembilan  
Y.A.B. Datuk Amar Haji Wan Mokhtar dan kerajaan Negeri Terengganu  
Y.A.B. Datuk Seri Ramli Ngah Talib  
*Akhbar Berita Harian*  
Utusan Melayu (M) Bhd.  
Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)  
Esso Production Malaysia Inc.  
Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)  
Dewan Bandaraya  
Polis Di Raja Malaysia  
Ketua Nazir Sekolah-sekolah  
Perusahaan Plastik Keramat  
United Selangor Press  
Pengerusi Sesi Kongres  
Pencatat  
Semua Ahli Jawatankuasa Kecil  
Penulis dan Pembentang Kertas Kerja  
Akhbar-akhbar Tempatan  
Dan sesiapa sahaja yang telah memperuntukkan masa dan tenaganya demi menjayakan Kongres ini.

# **Panitia Kongres**

## **Pengerusi**

Datuk Haji Hassan Ahmad

## **Timbalan Pengerusi**

Prof. Datuk Ismail Hussein

## **Setiausaha**

Anwar Ridhwan

## **Timbalan Setiausaha**

Zainal Abidin Bakar

## **Penolong Setiausaha**

Abdul Samad Ahmad

Ghazali Sulaiman

## **Bendahari**

Haji Hasan Muhd. Ali

## **Wakil Badan Penaja**

Sidik Fadzil — ABIM

Fuad Hassan

Haji Khalid M. Hussein — DBP

Awang Sariyan

Nor Shah Thamby — EJA

Haji Hasan Muhd. Ali — GAPENA

Ramli Yusof — GPMS

Nordin Haji Mahmud — KGMMB

Sheikh Ismail Sheikh Omar

A. Monir Yaakob — PBMTT

Dr. Ismail Ibrahim

Haji Hamdan Haji Abd. Rahman — PSB

Haji Saleh Daud

Asiah Sarji - PERTAMA

Khadijah Hashim

Saifuddin Abdullah — PKPIM

Mohd. Rosli Yusoff

Prof. Madya Dr. Nik Safiah Karim —

PLM

Prof. Dr. Farid Onn

Datin Azizah Mokhzani — PPM

Rosnah Abdul Majid — PRESS CLUB

Baharuddin Haji Omar — SENIMAN

S. Sudarmaji

## Jawatankuasa Konsep

### **Pengerusi**

Prof. Datuk Ismail Hussein

### **Timbalan Pengerusi**

Prof. Madya Dr. Nik Safiah Karim

### **Setiausaha**

Anwar Ridhwan

### **Timbalan Setiausaha**

Zainal Abidin Bakar  
Ghazali Sulaiman

### **Penolong Setiausaha**

Abdul Samad Ahmad

### **Wakil Badan Penaja:**

Fuad Hassan — ABIM

Awang Sariyan — DBP

Nor Shah Tamby — EJA

Haji Hasan Muhd. Ali — GAPENA

Ramli Yusof — GPMS

Sheikh Ismail Sheikh Omar — KGMMB

Dr. Ismail Ibrahim — PBMTT

Haji Hamdan Haji Abd. Rahman — PSB

Khadijah Hashim — PERTAMA

Mohd. Nasee Haji Ahmad Tarmizi —

PKPIM

Asraf Hj. Abdul Wahab — PLM

Prof. Dr. Farid Onn

Datin Azizah Mokhzani — PPM

Rosnah Abdul Majid — PRESS CLUB

Baharuddin Haji Omar — SENIMAN

## Jawatankuasa Kecil

### **Kertas Kerja**

Mohd. Thani Ahmad (Pengerusi)

Jamilah Haji Ahmad

Ahmad Kamal Abdullah

Zakaria Ariffin

Hishamuddin Mansor

Fadzil Agussalim

Ahmad Kaba

Mohd. Ali Hassan

Kalsom Ahmad

Hamidah Awaludin

Bohari Ibrahim

Khiruddin Abdullah

Ahmad Khalid

### **Jamuan/Undangan**

Ayob Yamin (Pengerusi)

Kamariah Mohd. Ali

Rahimah Jahidin

Abd. Kadir Yunus

Khiruddin Abdullah

Hamidah Salleh

Siti Rohaya Ariffin

Norizan Osman

Faridah Kamaruddin

### **Persiapan Tempat**

Abdul Razak Abdul Aziz (Pengerusi)

Shahnan Abdullah

A. Halim Mawi  
Rahman Rahim  
Ali Hussein  
Md. Nor Hussin  
Salleh Husin  
Abdullah Tamby Chik

**Seranta/Penyambut Tamu**  
Norida Jalaluddin (Pengerusi)  
Sofiah Abdul Hamid  
Rudiah Arshad  
Norlia Ahmad Abdullah  
Siti Ishah Sheikh Abdullah Basmieh  
Halimah Hj. Ahmad  
Norazizah Abu Bakar  
Faikha Abd. Ghani

**Buku Cenderamata**  
Saleh Daud (Pengerusi)  
Ali Majod  
Samion Hj. Nor  
Shahnan Abdullah  
Radin Fathlullah Radin Jawadi  
Masri Mohd.  
Mansor Hj. Mahmud  
Mohd. Hanafi Ibrahim  
Aizan Mohd. Ali  
Azizah Hj. Supardi  
Zainah Hj. Musa  
Sa'odah Hj. Abdullah

**Pameran**  
Rohani Rustam (Pengerusi)  
Idros Shamsudin  
Wan Salha Megat Ahmad  
Raja Masittah Raja Ariffin  
Abdul Rahman Ahmad  
Zainuddin Kaba

Abdul Razak Abdul Aziz  
Aizan Mohd. Ali

**Pengangkutan/Penginapan**  
Zainal Abidin Bakar (Pengerusi)  
A. Halim Mawi  
Abdul Ghafar Abdullah  
Ahmad Razali Haji Yusop  
Othman Yassin  
Zam Hashari Abdul Aziz

**Pelapor dan Perumusan**  
Awang Sariyan (Pengerusi)  
Hashimah Jalaludin  
Zaiton Abd. Rahman  
Abd. Jalil Hj. Anuar  
Fatini Yaakob  
Aminah Hj. Harun  
Juncidah Ibrahim  
Mariyam Salim  
Sarah Sadon  
Rahmah Jaafar  
Rudiah Arshad

**Pembantu Urusetia**  
Kamariah Mohd. Ali  
Halilah Khalid  
Hishamuddin Mansor  
Siti Rohaya Ariffin  
Faridah Kamaruddin  
Norizan Osman  
Hamidah Salleh  
Zulkeply Mohammed  
Rahimah Jahidin  
Siti Aisah Murad  
Zainab Ahmad  
Sarah Sadon  
Hatiah Awang  
Jazamuddin Bahariddin

# Badan Penaja Kongres

## **ABIM**

Angkatan Belia Islam Malaysia ditubuhkan pada Julai 1970 dengan tujuan untuk menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan ajaran asasi Al-Quran dan Sunnah. Ia juga berusaha menjalankan dakwah Islam dengan cara yang progresif kepada seluruh masyarakat. ABIM turut berperanan mengemblengkan tenaga belia Islam untuk sama-sama berganding bahu meningkatkan taraf hidup di dalam semua aspek sosial, pelajaran, kebudayaan, falsafah dan teknologi.

Sehingga ini keahlian ABIM mencapai angka 45,000 orang di seluruh Malaysia.

## **DBP**

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan sebuah Institusi Bahasa dan Sastera yang penting di Malaysia dan di rantau ini. DBP ditubuhkan pada 22 Jun 1956 dengan matlamat pentingnya untuk memaju dan memperkayakan bahasa Kebangsaan, memajukan bakat kesusasteraan, menerbitkan buku-buku dan lain-lain bentuk persuratan dalam bahasa Kebangsaan dan bahasa-bahasa lain. Berusaha menyamakan ejaan dan bunyi sebutan dalam bahasa Kebangsaan. DBP turut bertanggungjawab melaksanakan rancangan-rancangan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada seluruh masyarakat. DBP juga bertindak sebagai Urusetia kepada Panel Anugerah Sastera Negara dan juga panel Hadiah Sastera Malaysia. Pada masa ini DBP sedang bekerjasama rapat dengan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia untuk menyelaraskan istilah dan sistem ejaan, bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia. DBP juga bertanggungjawab mengelolakan berbagai seminar, persidangan dan bengkel bahasa dan sastera di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

## **EJA**

Persatuan Wartawan Hiburan (EJA) mula ditubuhkan pada Januari 1979. Tujuan penubuhannya yang penting ialah untuk melindungi hak ahli sepanjang yang berhubung dengan tugas dan kegiatan dalam profesionnya, serta menggalakkan kegiatan hiburan, kesenian, kebudayaan, sosial dan sukan di kalangan semua golongan masyarakat di seluruh negara. EJA juga menggalakkan kegiatan amal dan menganjurkan ceramah-ceramah, seminar dan lain-lain lagi.

Keahlian EJA terbuka kepada semua wartawan, jurugambar dan pelukis dalam bidang hiburan di pelbagai media sama ada bertugas secara rasmi mahupun bebas. Ia juga membuka keahlian bersekutu kepada pegawai-pegawai syarikat swasta yang terlibat secara langsung dengan dunia hiburan.

## **GAPENA**

Gabungan Persatuan Penulis Nasional merupakan pertubuhan penulis yang tunggal di Malaysia yang bercorak kebangsaan dan menjadi jurubicara rasmi bagi masyarakat penulis Malaysia di dalam dan luar negeri. Gerakan ini ditubuhkan pada 23 Oktober 1970 menggabungkan pelbagai persatuan penulis dari seluruh negara. Kini 21 buah persatuan penulis dari kesemua 13 negeri di Malaysia menganggotai GAPENA.

GAPENA memainkan peranan penting dalam penghidupan dan kegiatan pembinaan sastera di Malaysia dan melengkap usaha-usaha rasmi pemerintah melalui Dewan Bahasa dan Pustaka. Kedua-duanya DBP-GAPENA selalu bekerjasama menyelenggarakan pertemuan penulis, seminar, persidangan, bengkel dan lain-lain lagi di peringkat Kebangsaan dan Nusantara. Perhimpunan rasmi GAPENA ialah Hari Sastera, diadakan dua tahun sekali. Hari Sastera yang baru lalu telah berlangsung di Johor Baharu, Johor.

## **GPMS**

Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ditubuhkan pada 15 Ogos 1948 dengan Datuk Paduka Abdul Wahab Aniff sebagai presiden pertamanya. Sepanjang tempoh 36 tahun penubuhannya GPMS kini mempunyai 77 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan keahliannya menjangkau lebih 100,000 orang. Sejak tertubuhnya GPMS, ia telah berjuang dengan gigih dan berani dalam soal pelajaran kebangsaan dan kemerdekaan negara. GPMS juga bertanggungjawab memperjuangkan bahasa Kebangsaan, pelajaran Islam dan kebajikan untuk menolong meningkatkan kemajuan pelajar-pelajar seluruh negara. GPMS jelasnya memainkan peranan dan memberi sumbangan penting kepada negara melalui program pendidikan, kebajikan, keagamaan dan kebudayaan.

## **PBMITT**

Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) dulunya dikenali sebagai Persatuan Bekas Mahasiswa Mesir. Ia ditubuhkan kira-kira 20 tahun dahulu dengan keanggotaan melebihi 1,000 orang di cawangan-cawangannya di seluruh Semenanjung Malaysia. PBMITT lebih merupakan sebuah badan dakwah dan pertubuhan intelektual Islam yang cuba menyatupadukan tenaga seluruh Mahasiswa Islam untuk kepentingan dakwah dan berusaha meningkatkan mutu pendidikan Islam dan masyarakat umumnya.

### **KGMMB**

Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) ditubuhkan pada tahun 1968 sebagai lanjutan dari Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) 1946.

Kesatuan ini lebih berperanan sebagai sebuah persatuan pekerja yang memperjuangkan permasalahan ahli-ahlinya yang terdiri daripada guru-guru Melayu. KGMMB juga turut memperjuangkan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, kepentingan pelajar-pelajar Melayu, Kebudayaan Kebangsaan dan turut sama berusaha mendaulatkan bahasa Melayu.

Dalam bidang ekonomi pula KGMMB berjaya menubuhkan Koperasi KGMMB yang bergerak selari dengan KGMMB untuk meningkatkan ekonomi ahli dan orang-orang Melayu. Pergerakan KGMMB menyeluruh kepada bidang-bidang sosial dan ekonomi.

Keahlian Kesatuan ini seramai lebih 16,000 orang dan terbuka kepada semua guru Melayu yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah hingga pensyarah universiti.

### **PSB**

Persatuan suluh Budiman (PSB) adalah nama baru bagi Persatuan Bekas Pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (PBPMPSI) di Tanjung Malim, Perak. Ia dirasmikan pada 2 Ogos 1962. PSB ditubuhkan dengan tujuan utama untuk meninggikan taraf profesion perguruan khususnya dan pendidikan umumnya. Usaha penting yang telah dijayakan oleh PSB ialah dengan mengadakan KONPEN (Konvensyen Pendidikan). PSB juga berusaha menjadikan bangunan induk 'Suluh Budiman' sebagai Muzium Pendidikan nasional untuk mempertingkatkan lagi martabat pendidikan dan perguruan di negara ini. Sehingga kini PSB mempunyai keahlian seramai 1,000 orang dan terbuka kepada bekas pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris.

### **PERTAMA**

Persatuan Wartawan Wanita Malaysia atau PERTAMA ditubuhkan pada 13 Januari 1972 dengan Puan Azah Aziz sebagai Ketua Satunya yang pertama. Persatuan ini menggariskan beberapa tujuan utama, antaranya untuk menyatupadukan semua wartawan wanita yang bekerja dan memajukan kepentingan profesional intelek dan sosial ahli. PERTAMA juga berusaha mempertahankan kewibawaan (integriti) dan kebebasan akhbar dan memelihara taraf-taraf etika yang tinggi dalam kewartawanan. Ia juga menyokong idea-idea atau konsep kebebasan akhbar.

### **PKPIM**

Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) adalah badan induk persatuan-persatuan pelajar Islam Malaysia peringkat Kebangsaan. PKPIM ditubuhkan pada tahun 1961. Ketika itu ia dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Persekutuan Tanah Melayu (PKPIPTM).

Persatuan ini ditubuhkan dengan tujuan berusaha untuk meningkatkan mutu pelajaran dan kemudahan lain kepada pelajar-pelajar di Malaysia. PKPIM juga cuba membangkitkan kesedaran Islamiah di kalangan Generasi Muda. Sumbangan penting PKPIM ialah peranannya memelopori perjuangan ke arah penubuhan Universiti Islam di Malaysia. Gagasan ini disuarakan di dalam Kongres Kemajuan Islam se-Malaysia anjuran PKPIM 1966, seterusnya penajaan Kongres Universiti Islam pada Ogos 1971. PKPIM kini mempunyai 31 badan gabungan pelajar Islam di Malaysia.

### **PPM**

Persatuan Penterjemah Malaysia atau PPM ditubuhkan pada 8 April 1978. Bertujuan untuk menyatupadukan semua penterjemah di Malaysia dan menjaga hak-hak dan kepentingan mereka, melalui sumbangan moral dan meterial secara positif kepada penterjemah-penterjemah dalam melaksanakan tugasnya. PPM juga mengusahakan peluang-peluang untuk penterjemah memajukan bakat mereka dan menimbulkan minat pembacaan karya terjemahan di kalangan rakyat.

Terjemahan mencakupi bidang Sastera dan Budaya, Ilmiah dan bidang usaha. Ketua I PPM sekarang disandang oleh Datin Azizah Mokhzani. Keahliannya seramai 236 orang dan terbuka kepada mereka yang terlibat di bidang terjemahan.

### **PLM**

Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) ditubuhkan pada tahun 1977, bertujuan untuk menggalakkan pengkajian terhadap bahasa dan masalah-masalah bahasa di Malaysia serta mengeratkan perhubungan di antara pengkaji-pengkaji bahasa. Bagi memenuhi tujuan ini PLM menjalankan kegiatan-kegiatan kerjasama yang erat dengan badan-badan ilmu yang berkaitan dengan linguistik seperti Antropologi, Sosiologi, Kesusasteraan dan sebagainya. Keahlian PLM terbukti kepada sesiapa yang berminat di bidang bahasa.

### **SENIMAN (Persatuan Seniman Rakyat Malaysia)**

### **PRESS CLUB**



# Harapan dari Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV — Ismail Hussein

KONGRES Bahasa & Persuratan Melayu IV yang dijadualkan pada 7-10 Disember 1984, disebut-sebut sebagai peristiwa bahasa-sastera yang terbesar sepanjang Malaysia merdeka. Dari segi penajaannya, memang kongres itu cukup besar, inisiatif untuk melaksanakannya diambil alih oleh 14 buah organisasi bahasa dan massa yang meliputi masyarakat bahasa, sastera, wartawan, pendidik, penerjemah, pemuda, intelektual dan seniman.

Bagaimanapun ini satu-satunya kongres bahasa yang diselenggarakan bagi sepanjang 27 tahun yang lalu. Kongres terakhir, iaitu Kongres Ketiga, diadakan di Johor Baharu-Singapura pada tahun 1956, setahun sebelum Malaysia merdeka. Dan Kongres terakhir itu meletakkan dasar-dasar bahasa bagi negara baru. Kongres yang akan datang pula tentunya akan meneliti kemajuan dasar-dasar itu, dan merangkakan tindakan bagi dekad-dekad selanjutnya.

Berbeda dengan Indonesia yang sekarang mengadakan kongres nasionalnya tiap 4-5 tahun sekali, Malaysia sehingga kini tidak pernah merasa perlunya perhimpunan raksasa itu. Ini barangkali kerana Bahasa Malaysia telah diperkembangkan dengan cukup baik, sekurang-kurangnya selepas 1970.

Dewan Bahasa & Pustaka sebagai saluran pembinaan bahasa pemerintah, telah terbina menjadi institusi bahasa kebangsaan yang terhebat di rantau. Manakala gerakan rakyatnya, iaitu gerakan penulis, nampaknya selalu berpadu serta mengambil inisiatif yang berkesan di dalam kehidupan bahasa Melayu yang lebih luas. Pelbagai organisasi bahasa dan budaya yang lain, dengan pelbagai macam pula perbincangan dan seminar yang diselenggarakannya, telah dapat menyalurkan dengan berkesan pendapat rakyat tentang bahasa. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna segala-galanya sudah memuaskan mengenai bahasa kebangsaan di Malaysia. Dan sekali sekala diperlukan juga kepuasan psikologis dari perhimpunan solidaritas rakyat seluruhnya.

Dan perhimpunan solidaritas 1984, sejenak selepas berlalunya Tahun Keramat 1983—bila pelaksanaan Dasar Bahasa Malaysia sepatutnya menjijak puncak kelengkapannya — cukup besar ertinya. Apalagi masuk ke dalam dekad 80-an ini, bangsa Malaysia, bangsa Melayu terutamanya, sedang menghadapi situasi dan pergolakan baru, yang jelas akan menukarkan sikap dan corak kebudayaan, termasuk masaalah-masaalah kebahasaannya.

Apabila dibandingkan suasana yang mencetuskan ketiga-tiga kongres bahasa pra-merdeka, dengan suasana yang menyelubungi kongres ke-4, ini adalah laksana perbezaan bumi dengan langit.

Ketiga-tiga kongres yang silam itu bukan sahaja berlangsung dalam zaman penjajahan, tetapi juga zaman perjuangan yang masih penuh dengan kebimbangan dan ketakutan. Bangsa Melayu dalam dekad 50-an, walaupun masih menjadi pewaris Tanah Melayu yang tanpa saingan, tetapi bergerak seolah-olah sebagai bangsa minoriti di tanahairnya sendiri.

Golongan menengah serta ahlimannya hampir-hampir tidak ada. Kampus Universiti Malaya di Singapura hanya memuat sekitar 7-8 peratus mahasiswa Melayu dan 3-4 orang pensyarahnya. Yang menjadi penggerak utama Kongres Ketiga adalah mahasiswa dari Persekutuan Bahasa Melayu dan para pelajar, di samping guru dan wartawan Melayu yang masih tidak stabil kedudukan sosial dan politik mereka.

Apa yang ingin ditekankan dari ini ialah, dalam dekad 50-an, yang menjadi alat perjuangan utama pada bangsa Melayu, lantaran tiadanya kemungkinan yang lain, adalah bahasa, kebudayaan dan sejarah — semuanya abstrak, dan semuanya padat dengan tenaga emosi. Dan dalam konteks itu bahasa tentunya menjadi lambang segala-galanya. Dari segi ini impian untuk membina satu macam Balai Pustaka di Malaysia, masih amat jauh rasanya pada ketika itu. Dan seteru utama dari perjuangan, dengan sendirinya adalah bahasa Inggeris, serta segala penganutnya.

Keadaan pada dekad 80-an nampaknya sebaliknya. Bangsa Melayu itu seolah-olah telah menguasai situasi dengan satu barisan pemimpin yang memikat dan menjanjikan seribu harapan. Kampus-kampus dalam negeri, malah luar negeri, seolah-olah ditawani oleh mahasiswa Melayu.

Golongan menengah Melayu di kota sedang menekankan nilai-nilai dan pengaruhnya, manakala para ilmunan dan ahliman Melayu dari pelbagai lapangan sedang menguasai pimpinan universiti dan pimpinan beberapa pergerakan profesional. Ada bermacam infrastruktur dan usaha untuk membina bahasa kebangsaan.

Dan satu generasi bangsa Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, telah pun terdidik dalam bahasa Melayu. Seajar dengan itu akhbar Melayu telah menjadi akhbar utama negara, sekurang-kurangnya dari segi jumlah sebarannya. Tetapi di samping itu pula satu generasi muda Melayu yang penuh kepercayaan diri serta merasa amat superior, telah timbul — dan mereka ini menganggap perjuangan bahasa, kebudayaan dan sejarah sebagai masalah remeh-temeh yang harus diketepikan.

Biro-biro kebudayaan pada parti politik Melayu pula hampir lenyap, diambil alih oleh biro agama — dan sasaran perjuangan utama sekarang adalah ekonomi dengan segala implikasinya. Pembinaan bahasa dan juga kebudayaan, bukanlah lagi menjadi keharusan penting dalam penghidupan politik. Malah seteru utama dekad 50-an, iaitu bahasa Inggeris, kini dengan rela dipertingkatkan penguasaannya oleh kaum teknokrat dan birokrat Melayu dan tindakan itu diterima dengan senang hati oleh sebagian penting masyarakat Melayu sendiri.

Lantaran semua ini maka Kongres Bahasa yang Keempat terpaksa menghadapi keadaan masyarakat yang sudah cukup rumit, dan perlu mencari cara-cara penyelesaian yang agak kompleks pula. Berbeda dengan kongres-kongres yang lalu, perhimpunan kali ini bukanlah sekadar untuk meminta kerajaan lakukan ini dan itu — hampir semua tindakan dasar yang dapat dibayangkan, telah dan sedang dilakukan oleh birokrasi dan pimpinan politik kerajaan, yang jelas merangkumi banyak tenaga keahliannya.

Hanya birokrasi dan pimpinan politik punya cara dan kepercayaannya sendiri — dan disinilah terletak permasalahannya. Birokrasi dan pimpinan politik Malaysia sesungguhnya cukuplah kuat, dan sekarang sudah sulit ditembusi oleh pemikiran dari kelompok-kelompok rakyat, apalagi oleh individu. Dengan demikian diperlukan gerak raksasa rakyat seperti dalam kongres, untuk menyampaikan hasrat dan menarik perhatian.

Jadi sumbangan yang terpenting dari kongres nanti adalah untuk menambahkan lagi dinamik dan visi alat-alat pemerintah, dan juga untuk memberikan kemungkinan akan pilihan-pilihan lain di dalam pembinaan bahasa Melayu di Malaysia dan di rantau.

Tidaklah perlu diberikan contoh yang terperinci akan beberapa kesulitan kecil pihak birokrasi kita — akan laporan tentang pencemaran bahasa yang tersimpan sepi di atas para akan satu dua jawatankuasa bahasa negara yang lebih satu dekad tidak memperbaharui diri dan sudah tidak begitu berkesan peranannya; dan akan larangan serta keengganan untuk menggunakan tulisan jawi, walaupun yang diminta itu hanyalah sekadar sebagai hiasan dan lambang kesinambungan tradisi dan sejarah bangsa.

Memang di dalam pelbagai hal yang seperti ini pihak birokrasi sendiri mempunyai masalah dan alasannya — hanya perkara itu tidak pernah diketahui, lantaran pintu berdialog kerap kali tertutup. Tetapi dengan terbentuknya persefahaman dan semangat kerjasama yang erat nanti, segala masalah kecil itu tentulah dapat diselesaikan dengan amat mudah.

Yang tidak begitu mudah diselesaikan adalah beberapa alternatif terhadap dasar tindakan bahasa yang sudah mantap dan lama berlangsung. Perhatian yang amat besar tentulah akan tertumpu kepada struktur Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu ciptaan dari Kongres Ketiga dulu.

Selepas 27 tahun, apakah struktur Dewan Bahasa yang telah terbina itu sesuai untuk menghadapi cabaran-cabaran bahasa di akhir abad ke-20? Apakah mungkin sebagian besar daripada kerja Dewan Bahasa yang rutin itu dipecahkan atau diswastakan — agar Dewan Bahasa yang inti dapat menumpukan segala tenaganya kepada pembinaan kebudayaan dan penerbitan ilmu pengetahuan yang tinggi? Dan membina sebuah biro terjemahan ala Jepun yang hebat? Pilihan yang seperti ini amatlah rumit, kerana Dewan Bahasa sendiri dengan cepat sedang memperbaharui diri, dan terpaksa menghadapi pelbagai keperluan politik pula. Juga sama rumitnya alternatif dasar kerajaan terhadap bahasa asing, bahasa Inggeris terutamanya.

Penekanan terhadap bahasa Inggeris, masih melanjutkan sikap psikologis kolonial yang lama — akhbar Melayu walaupun terbesar sebarannya, masih menduduki tempat kedua dari segi intelektual dan ekonominya. Dan para elit masih tetap enggan berkreasi di dalam bahasa kebangsaan.

Jikalau sekiranya lambat untuk diharapkan perkembangan yang natural, apakah mungkin dibina secara artifisial khazanah dan martabat bahasa Melayu? Seperti yang telah kita bina secara artifisial ekonomi bangsa Bumiputra mulai dekad 70-an? Tetapi ini perlukan mimpi yang besar, dan keberanian yang luar-biasa untuk bertindak.

Seperti juga halnya dengan khayalan yang gagah dari para kebudayawan kita untuk membentuk satu tamadun bahasa Melayu bersama serantau, berserta dengan satu Pusat Bahasa Melayu Senusantaranya — mimpi yang masih enggan disambut dengan sepenuh hati oleh kaum politik, lantaran kesulitan hubungan antarabangsa yang dapat diterka.

Kenyataan dan mimpi jelas akan melebur buat seketika sepanjang Kongres Bahasa & Persuratan Melayu IV — dan ini yang menariknya.



## Hari-hari Terakhir Seorang Seniman


### *Sinopsis*

PAK HASSAN seorang tukang cerita yang kematian isteri. Cintanya yang cukup kental terhadap SELAMAH, menyiksa kehidupan hari-hari tuanya. Selamah meninggalkan padanya anak-anak mereka, SENAH yang perawan dan MAT JUNUH yang terencat akal. Meskipun dia cukup menderita akibat kematian itu, sebagai seorang tukang cerita Pak Hassan terus cuba menghadapi segala-galanya dengan tabah, dalam lingkungan orang-orang kampung yang banyak membantunya itu.

Keadaan mula berubah apabila PAMAN BAHARI membeli sebuah radio. Orang-orang kampung kini mengalihkan perhatian kepada radio dan tidak lagi mendengar cerita-cerita Pak Hassan. Namun Pak Hassan tetap menerima simpati daripada beberapa orang kampung, terutamanya RAMLI dan isterinya FATANAH.

Selepas Jepun menawan Tanah Melayu dan kampung itu, peristiwa demi peristiwa menimpa Pak Hassan, anak-anaknya dan orang kampung. Senah diperkosa lalu melarikan diri. MANSOOR mati menggantung diri. Mat Junuh yang cukup menderita selepas ketiadaan Senah, turut menghilang.

Pak Hassan semakin bingung dan kesasaran. Sehingga dia sendiri tidak pasti lagi apakah dia seorang tukang cerita, atau seorang tua "bersidi sakti" yang mencari "pucuk pujangga songsang" dalam cerita yang diceritakannya.



# KISAH SANG BELANG

Kisah Esso bukan saja berkisar di sekitar kisah minyak, tetapi juga mengungkapkan penglibatan kami dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Sejak 1979, para penulis tanahair telah turut serta dalam Hadiah Cerpen, iaitu pertandingan menulis cerpen yang diadakan setiap tahun oleh Esso dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Hadiah Cerpen Esso-Gapena ini dianjurkan untuk memberi pendorongan dan penghargaan kepada para penulis tanahair yang sedang meningkat. Setiap tahun, hadiah-hadiah wang tunai dianugerahkan kepada para penulis yang menyumbangkan tiga karya yang terbaik.

Esso dapat bersama menikmati kisah-kisah ini dengan masyarakat umum menerusi penerbitan beberapa antologi berjudul "SAYEMBARA" (1980), "SAYEMBARA II" (1981) dan "SAYEMBARA III" (1982). "SAYEMBARA" (1980) dan "SAYEMBARA II" (1981) telahpun dijadikan bahan bacaan wajib di kelas-kelas sastera di beberapa universiti setempat.

Baru-baru ini, kami menganjurkan Hadiah Cerpen Esso-Gapena untuk kanak-kanak pula. Kami harap dengan dorongan Hadiah ini akan lahir buku-buku cerita untuk kanak-kanak yang berusia di antara duabelas dan limabelas tahun — iaitu kumpulan usia yang kerap diabaikan dari segi sastera.

Minat kami dalam bidang kesenian telah menyebabkan terwujudnya Koleksi Karyaseni Esso di mana terdapat karya-karya kotemporari yang dihasilkan oleh para pelukis yang berpengalaman dan juga yang sedang meningkat di tanahair. Kini, karya-karya itu menghiasi dinding-dinding pejabat Esso dan tersedia untuk tontonan umum dan pameran.

Sokongan Esso seterusnya dalam bidang kesenian dan kebudayaan nasional berupa sumbangan 75,000 ringgit terhadap penubuhan Akademi Senilukis Negara. Bila siap kelak, Akademi ini akan menyediakan kursus-kursus musik, tarian dan drama, seni visual, penulisan kreatif dan senifoto untuk para guru dan pelakon.

Pada hemat kami kesenian dan kebudayaan memperkaya hidup kami. Kami harap semoga banyak lagi kisah yang akan diungkapkan mengenai penglibatan kami dalam bidang-bidang ini.




Menyumbangkan sumber tenaga untuk kepentingan negara

# NIKMATILAH KEMESRAAN MAS.

Segala-galanya telah dirancang dengan cekap dan teliti untuk memastikan anda mendapat layanan penuh mesra ke 57 destinasi di Asia, Eropah dan Australia. Dimana sahaja anda pergi anda akan terus mendapat perkhidmatan serba gemilang.

**KAMI GIAT BERUSAHA MEMBERI  
ANDA LAYANAN PENUH MESRA.**



Kehalusan seni dua buah Wau Bulan di awan biru.



**mas**

sistem penerbangan malaysia

ANDA AKAN DILAYAN DENGAN PENUH MESRA

PENERBANGAN 747 KE AMSTERDAM • DUBAI • FRANKFURT • KUALA LUMPUR • LONDON • MELBOURNE • PARIS • SYDNEY  
Bangkok • B.S. Begawan • Haadyai • Hong Kong • Jakarta • Jeddah • Madras • Manila • Medan • Perth • Seoul • Singapura • Taipei • Tokyo  
serta 35 destinasi lain didalam Malaysia. Untuk tempahan, sila hubungi wakil pelancungan anda atau sebarang pejabat MAS.